

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas soalan geografi 2 (2280/2) mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi tujuh soalan berbentuk struktur dan calon dikehendaki menjawab kesemua soalan. Bahagian B mengandungi empat soalan berbentuk esei dan calon dikehendaki menjawab tiga soalan. Calon diperuntukan masa selama dua jam untuk menjawab.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya prestasi calon pada tahap sederhana dan lemah iaitu berada dalam kelompok markah 0 hingga 30. Calon yang berada dalam kumpulan markah tinggi amat sedikit. Segelintir calon sahaja dapat menggunakan istilah dan konsep geografi dengan baik dan tepat. Kebanyakan calon menjawab sebahagian sahaja soalan atau tidak menjawab terutama soalan bahagian A.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Calon memahami kehendak/tugasan soalan dengan mengemukakan fakta dan isi yang mencukupi serta tepat. Calon dapat memahami, menggunakan istilah dan konsep geografi serta mengaplikasikan pelbagai kemahiran seperti kemahiran mengira dan kemahiran mentafsir peta. Calon juga dapat menentukan dan menamakan lokasi atau kawasan di peta. Calon juga dapat menyampaikan idea dengan fakta yang jelas berserta contohnya dengan menggunakan laras bahasa yang betul dan berkesan.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon tidak memahami kehendak/tugasan soalan dan menjawab sebahagian soalan dengan fakta dan isi yang kurang. Calon juga kurang menguasai konsep dan istilah geografi, serta tidak dapat menggunakan laras bahasa dengan berkesan. Calon didapati tidak mampu untuk mengaplikasikan kemahiran mengira dalam geografi serta menentukan lokasi di peta. Situasi ini boleh diperkemas dan diperbaiki.

Calon Dalam Kumpulan Lemah

Calon tidak dapat memahami kehendak/tugasan soalan dengan baik. Calon mengemukakan fakta dengan menggunakan konsep dan istilah geografi yang tidak tepat dan penggunaan laras bahasa juga lemah. Terdapat calon yang tidak menjawab soalan.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1


Calon yang cemerlang dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Terdapat calon yang membuat pengukuran kurang tepat atau menggunakan teknik pengukuran yang salah. Walau bagaimanapun sebahagian calon yang lemah tidak menjawab soalan ini kerana melibatkan pengiraan untuk mengukur bearing sudutan

Soalan 2

Hampir kesemua calon tidak menjawab atau gagal memberikan jawapan dengan tepat. Soalan berkaitan kecerunan adalah sukar kepada calon kerana melibatkan aspek pengiraan. Sebahagian calon tidak memahami konsep kecerunan. Berdasarkan jawapan yang dikemukakan kerana tidak menggunakan konsep nisbah atau peratus.

Soalan 3

Calon yang cemerlang hanya dapat menyenaraikan ciri fizikal tanah tinggi tanpa memberikan huraian atau penerangan lanjut. Oleh itu, calon hanya mendapat satu markah bagi setiap ciri yang dinyatakan. Walau bagaimanapun sebahagian besar calon tidak memahami konsep ciri fizikal tanah tinggi tetapi memberikan jawapan dengan menyenaraikan ciri-ciri budaya. Terdapat juga calon hanya menyenaraikan ciri fizikal tanah tinggi yang tidak terdapat dalam segiempat grid.



3 Terangkan tiga ciri fizikal tanah tinggi yang terdapat pada segi empat grid di atas.

(i) (sungai sungai yang mengalir daripada tanah tinggi seperti) NA
sungai lembah dan sungai bucu) NA

(ii) (terdapat air terjun dan jeram) NA

(iii) (terdapat hutan rimba di R.C 0922) NA
bukit batu

Soalan 4

Calon dalam kumpulan cemerlang dapat menyenaraikan lima fungsi dengan desa dengan tepat. Walau bagaimanapun sebahagian besar calon hanya menyenaraikan simbol yang ada pada peta tanpa mengaitkan dengan fungsi simbol seperti sekolah yang sepatutnya ditulis sebagai pusat pendidikan.

Soalan 5

Soalan 5a

Hampir keseluruhan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik, kecuali sebahagian kecil calon yang tidak dapat memahami konsep tanaman kontan.

Soalan 5b

Calon cemerlang dapat mengaitkan faktor yang mempengaruhi tanaman dengan betul dan jelas. Terdapat calon yang memberikan jawapan umum seperti "bentuk mukabumi yang sesuai, tanah yang subur" tanpa merujuk kepada peta topografi yang disediakan. Calon juga tidak dapat membezakan istilah geografi seperti saluran, pengairan dan perairan.

Soalan 6

Soalan 6a

Sebahagian besar calon dapat menjawab dengan baik. Walau bagaimanapun terdapat calon yang tidak dapat membezakan konsep gelongsoran tanah, gelangsaran tanah, tanah runtuh dan kesotan tanah.

Soalan 6b

Calon dapat menjawab dengan baik tetapi sebahagian besar calon tidak dapat markah penuh kerana jawapan yang diberikan berulang dan membawa pengertian yang sama seperti penerokaan hutan, pembalakan dan tiada tumbuhan hijau. Terdapat juga jawapan umum seperti kawasan bercerun yang sepatutnya kawasan bercerun curam dan hujan yang sepatutnya hujan dalam masa yang panjang.

Soalan 6c

Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat terutama kumpulan sederhana dan lemah. Calon tidak memberikan jawapan kesan kepada alam sekitar tetapi lebih berdasarkan kepada apa yang terdapat dalam gambar seperti banjir lumpur, pencemaran udara dan kesesakan lalulintas.

(c) Terangkan tiga kesan kejadian tersebut kepada kawasan sekitarnya.

- (i) (menyebabkan hakisan tanah berlaku) NA
 - (ii) (sungai menjadi cetek dan banjir kilat berlaku) NA
 - (iii) (nyawa terkorban)
 - (iv) (pencemaran udara berlaku) NA
- [3 markah]

Soalan 6d

Sebahagian besar calon dapat menjawab soalan dengan berkesan, namun ada sebahagian calon yang menyatakan langkah secara negatif, contohnya jangan menebang pokok, jangan membuat pembangunan. Calon juga tidak dapat menyatakan konsep geografi dengan tepat seperti "menabur simen yang sepatutnya penyimenan cerun"

Soalan 7

Soalan 7a

Sebahagian besar calon gagal mengenal pasti bentuk bumi di peringkat 1. Calon tidak dapat memahami peringkat aliran sungai apabila dilukis dalam bentuk profil keratan rentas. Terdapat calon yang tidak dapat membezakan tindakan air mengalir dan tindakan ombak berdasarkan jawapan yang diberi seperti tanjung, teluk dan gerbang laut.

Soalan 7b

Sebahagian calon menjawab dengan tepat, manakala sebahagian lagi keliru antara kawasan bertanda P dan Q. Calon memberikan jawapan P sebagai pemendapan dan Q sebagai hakisan. Sebahagian besar calon gagal mengenalpasti proses tindakan sungai seperti yang ditunjukkan dalam rajah.

(b) Proses tindakan sungai yang berlaku di kawasan bertanda P dan Q dalam Rajah 2 ialah

- (i) P : (pemendapan) ^{NA}
- (ii) Q : (hakisan) ^{NA}

Soalan 7c

Hampir semua calon gagal menjawab soalan ini. Calon tidak dapat mengenal pasti bentuk muka bumi seperti yang ditunjukkan dalam rajah. Oleh itu calon tidak dapat mengaitkan dengan faktor yang mempengaruhi pembentukannya.

(c) Nyatakan tiga keadaan yang menggalakkan pembentukan bentuk muka bumi bertanda S dalam Rajah 1.

- (i) (hasil dari arus air mengalir) ^{NA}
- (ii) (menjadi Pantai Pantai) ^{NA}
- (iii) (hindarkan air laut yang pasang surut) ^{NA}

[3 markah]

Soalan 7d

Calon cemerlang dapat menjawab dengan baik tetapi calon sederhana dan lemah memberikan jawapan dengan fakta yang umum seperti tanah yang sesuai. Calon juga gagal memahami konsep geografi dengan betul seperti saliran, pengairan dan saluran air

(d) Nyatakan dua faktor fizikal yang menggalakkan penanaman padi di Peringkat III dalam Rajah 1.

- (i) (saluran air yang baik) ^{NA}
- (ii) (faktor tanah yang sesuai) ^{am}

[2 markah]

Soalan 8

Soalan 8a

Keseluruhan calon tidak dapat menjawab soalan ini. Calon tidak dapat memahami istilah ciri piramid dan ciri demografi. Oleh itu calon tidak dapat mengaitkan antara ciri piramid dengan ciri demografi. Terdapat calon yang hanya menghuraikan ciri piramid dan ciri demografi secara berasingan. Calon yang cemerlang cuba mengaitkan kedua-dua ciri tetapi tidak dapat menyatakan ciri piramid seperti puncak lebar, sisi tegak dan tapak sempit. Segelintir calon hanya mendapat markah untuk menamakan piramid sahaja.

a) (Piramid yang mempunyai ~~piramid~~ stabil).
(Pertumbuhan penduduk yang hampir sama dengan kelahiran dan kematian). (Mempunyai tapak dan puncak yang hampir lebar). (Mempunyai bilangan perempuan dan lelaki hampir sama). (Kadar kelahiran di Negara X adalah sederhana) dan juga kadar kematian yang rendah). (Araif hidup penduduk negara X adalah sederhana). (Inflasi penduduk negara X amat panjang). (Ekonomi di negara X amat stabil).

Soalan 8b(i)

Sebahagian calon tidak dapat mengenal pasti jenis piramid seperti dalam rajah. Calon juga tidak memahami istilah kependudukan. Oleh itu sebahagian calon memberikan jawapan tentang masalah penduduk seperti pengangguran, kesesakan lalu-lintas, kekurangan kemudahan awam dan sebagainya.

b) i) (Masalah pengurangan peluang pekerjaan). (Dewasa yang banyak) (akan menyebabkan persaingan yang hebat). (Ini juga kemungkinan bertales pengangguran meningkat). (pada masa ini dan masa depan). (ini juga menyebabkan kekurangan kemudahan awam tidak cukup dan kemungkinan menyebabkan kesesakan jalan raya). (Selain itu, pada masa penduduk bekerja). (kegiatan dan mengalami kekurangan wang atau modal untuk membina kemudahan awam).

Soalan 8b(ii)

Calon yang menjawab soalan ini tidak dapat memperoleh markah kerana soalan ini berkaitan dengan soalan nombor 8 (bi). Oleh kerana calon tidak dapat mengenal pasti jenis piramid dan ciri-cirinya maka calon hanya mencadangkan langkah-langkah bagi penyelesaian masalah kependudukan. Terdapat calon yang menghuraikan langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi jika berlaku lebih penduduk.

ii) (Kerajaan hendaklah memberi banyak pelbagai
pelajaran kepada penduduk negara X supaya
masalah Pergangsaan di negara X tidak
semakin meningkat) (Kerajaan juga hendaklah
bekerjasama dengan luar negara supaya
mendapat pendapatan negara dan untuk
membina kemudahan asas dan awam) (contohnya,
membina universiti, Jalan kereta api,
dan lain-lain) (supaya mereka tidak
mengalami kekurangan pada masa depan kerajaan
juga hendaklah menggalakan kuasa undang-undang
supaya kes-kes jenayah tidak semakin
meningkat dan berlambak)

Soalan 9

Soalan 9a

Sebahagian calon hanya berupaya menamakan dua atau tiga lokasi dengan tepat. Calon lemah tidak menjawab. Keupayaan calon terhad kerana tidak dapat mengenal pasti dan mengingat nama-nama lokasi di peta.

Soalan 9b

Calon cemerlang dapat menjawab dengan baik, manakala calon sederhana dan lemah tidak dapat menghuraikan kepentingan pengangkutan sungai kepada pembangunan negara. Jawapan yang diberikan oleh calon lebih kepada menghuraikan sumbangan atau fungsi sesebuah sungai seperti pembekal kuasa elektrik hidro, pengairan dan perikanan. Terdapat juga calon yang mengulang isi yang sama beberapa kali seperti mengangkut kayu balak, mengangkut barangan pukal, menghantar hasil pertanian dan menghantar bahan mentah.

b) i) (Pengangkutan sungai merupakan salah satu jenis pengangkutan diguna untuk menghantar
bahan mentah) (pukal)

ii) (Pengangkutan sungai juga merupakan satu tempat pelbagai bersinggah dan
berdagang)

- iii (Pengangkutan sungai menyua hasil pendaratan kepada negara.) ^{X/A}
- iv (Pelancang dapat mengena pengangkutan sungai)
- v. (Barang-barangan dapat dieksport ke luar negara dengan pengangkutan sungai) ^{awd}
- vi. (Barang yang diimport dapat dihantar melalui pengangkutan sungai) ^{awd}
- vii (Pengangkutan sungai dapat mewujudkan ~~peluang~~ ~~pekerjaan~~ peluang pekerjaan kepada ~~penduduk~~ ~~tempatan~~ penduduk tempatan.) ^{awd}
- viii (Ia menyua penempatan kepada sebahagian penduduk yang tinggal di persisiran pantai kerana menyua kapal mada untuk menabur bahan mada.) ^{awd}
- ix (Ia juga menyua bahan mada yang berat seperti (kayu di dir dari hutan ke kilang mengena sungai) (Ia lebih murah.) ^{awd}
- x. (Pengangkutan sungai dapat mengurang kesesatan lalu lintas lebu raya.) ^{X/A}

Soalan 9c

Sebahagian calon dapat mengaitkan kegiatan ekonomi dengan pencemaran sungai dan memperoleh markah yang baik. Terdapat juga calon yang menghuraikan pencemaran sungai secara umum tanpa mengaitkan dengan kegiatan ekonomi seperti pembuangan sampah, sisa kumbahan, tumpahan minyak dan sebagainya

- (Pembuangan sisa toksid) (dari kilang ke dalam sungai.)
- (Penggunaan baja kimia) (dalam pertanian.)
- (Pembinaan yang berterusan telah menghasilkan habuk dan habuk telah jatuh ke dalam sungai) ^{X/A}
- (Pembinaan telah menyebabkan hujan acid yang mengubah struktur air) ^{X/A}
- (Kerja meletupkan bangunan telah menghasilkan banyak habuk) ^{awd}
- (Pembinaan bangunan di tepi sungai.) ^{awd}
- (Kegiatan perlombongan) ^{awd}
- (Sisa kumbahan dari bandar yang mengalir ke dalam sungai.) ^{X/A}

Soalan 10

Soalan 10a

Sebahagian besar calon dapat melukis carta pai dengan baik dan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat calon sederhana dan lemah yang melukis carta pai tanpa menggunakan jangka lukis. Oleh itu saiz jejari tidak tepat. Terdapat calon yang tidak menulis tajuk atau menulis tajuk yang tidak lengkap seperti tiada tahun. Calon juga tidak dapat mengukur sudut dengan tepat kerana kelemahan menggunakan jangka sudut.

Soalan 10b

Calon cemerlang dapat menerangkan kaedah pertanian moden dengan baik dan mendapat markah penuh.

b)	Kaedah pertanian moden yang telah dijalankan di Malaysia untuk mengubah beberapa ciri pertanian tradisional dan meningkatkan hasil pertanian di Malaysia ialah) ⁸ (penggunaan baja kimia) (Selain itu ialah, penggunaan jentera moden) seperti jentera membajak ^{oleh} dan jentera menuai menuai padi) (Penyelidikan tentang tanaman juga dilakukan untuk meningkatkan hasil pertanian) ^{peningkatan} (Penyelidikan ini membolehkan hasil tanaman dapat dikutip lebih ^{oleh} awal cepat dan hasil lebih bermutu dari cara pertanian tradisional) (Selain itu, kaedah hidroponik juga diperkenalkan untuk memudahkan para petani bercucuk tanam dan kaedah ini ^{oleh} akan mengurangkan penggunaan tanah) (Di samping itu, para petani tidak perlu pergi ke seluruh kebun atau ladang mereka untuk menyiram tanaman mereka tetapi satu kaedah iaitu mesin atau saliran yang boleh menyiram tanaman dengan cepat dan senang.) ^{kaedah terd. di atas} 10/12/2005	7. /
		6

Calon sederhana hanya dapat menyenaraikan kaedah tanpa membuat huraian seperti penggunaan baja, jentera dan penyelidikan.

Soalan 10c

Sebahagian besar calon tidak memahami istilah pemiskinan tanah. Ini menyebabkan calon tidak dapat menghuraikan teknik pertanian untuk mengekalkan kesuburan tanah. Calon cemerlang dapat menghuraikan jawapan dengan baik seperti tanaman bergilir, penggunaan baja organik, pengairan dan membina teres di cerun bukit.

(c) - (Punggunaan baja organik).

- (menanam tanaman tutup bumi di sekitar kawasan pertanian).

- (menanam tanaman berqilir.)

Soalan 11

Soalan 11a

Sebahagian besar calon gagal menamakan lokasi di peta dengan betul. Kebanyakan calon hanya meneka jawapan dan terdapat sebahagian calon tidak menjawab bahagian ini.

Soalan 11b

Sebahagian besar calon yang menjawab soalan ini berupaya memenuhi kehendak skema permarkahan. Walaubagaimanapun terdapat calon yang gagal menghuraikan faktor tersebut dengan baik. Segelintir calon hanya menghuraikan kegiatan perikanan laut dalam.

Soalan 11c

Sebahagian calon memberikan jawapan secara berulang seperti peranan kerajaan,.

c) (Kerajaan Malaysia perlu menggalakkan para nelayan supaya menjalankan kegiatan akuakultur dengan lebih pesat) (Namun kerajaan perlu memberi bimbingan kepada nelayan untuk mengetahui mengenai akuakultur). (Kerajaan juga boleh memberi bantuan kewangan kepada para nelayan yang keturangan modal) ~~jawab~~

Ada calon gagal memberikan jawapan yang tepat kerana tidak memahami istilah "akuakultur".

SARANAN KEPADA CALON

1. Membaca dan memahami kehendak soalan dengan teliti.
2. Merangka jawapan terlebih dahulu sebelum menjawab soalan.
3. Memperbanyak latihan menjawab soalan berbentuk kemahiran berfikir kritis dan kreatif (KBKK).
4. Calon mestilah menguasai istilah dan konsep geografi dengan tepat.
5. Penggunaan atlas perlulah ditingkatkan bagi memudahkan mengenal pasti lokasi di peta.
6. Latihan membina graf, carta, peta tematik dan penandaan peta harus ditingkatkan.

SARANAN KEPADA GURU

1. Mendedahkan teknik menjawab soalan yang betul dan berkesan kepada calon.
2. Memperbanyak latihan dalam kelas dengan memberi tumpuan kepada merangka jawapan berdasarkan peruntukan markah dan masa.
3. Mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan pendekatan KBKK.
4. Memberi penekanan kepada penggunaan istilah dan konsep geografi yang tepat.
5. Penggunaan atlas dalam pengajaran dan pembelajaran harus dipertingkatkan.
6. Penggunaan kemudahan ICT dipertingkatkan dalam pengajaran dan pembelajaran.
7. Buku teks hendaklah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.